

SYARAT-SYARAT

Pemborong dianggap telah melawat dan mengetahui akan tempat kerja yang dijalankan dan berpuashati dengan syarat-syarat yang dikenakan dan mengkaji dengan terperinci masalah yang akan timbul bersabit dengan kerja ini supaya tidak menjejaskan kerja nanti. Segala tuntutan yang bersabit dengan kerja ini tidak boleh dibuat dan tidak akan dilayan.

2. Pemborong hendaklah memulakan kerja dalam tempoh 7 hari dari tarikh yang dikeluarkan dan hendaklah mengikut arahan dan kelulusan Pegawai Penjaga JPS atau wakilnya.

- a. Jika pemborong gagal memulakan kerja dalam tempoh 7 hari akan dibatalkan dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap pemborong mengikut syarat-syarat pendaftaran.
- b. Jika pemborong tidak menyiapkan kerja dalam masa yang ditetapkan, tindakan secara pembayaran gantirugi dan penggantungan lesen dan pendaftaran atau apa-apa cara lain yang difikirkan patut oleh Pegawai Penyelia atau wakilnya.

3. Semua bahan-bahan yang dibekalkan dan digunakan hendaklah yang baru dan belum dipakai dan mempunyai mutu yang terbaik dan diperolehi dari dalam Malaysia dan mendapat kelulusan Pegawai Penyelia JPS. Pegawai tersebut juga mempunyai kuasa untuk meminta contoh-contoh untuk diperiksa sebelum bahan-bahan tersebut dibekalkan atau digunakan.

4. Hanya pekerja-pekerja yang mahir dalam bidang masing-masing sahaja yang patut digunakan. Pemborong dan pekerja-pekerjanya hendaklah menjalankan kerja dengan baik dan cermat. Sebarang kerosakan oleh sebab kecuaihan pihak pemborong atau pekerjanya hendaklah dibaiki atau diganti atas perbelanjaan pemborong sendiri.

5. Kerja-kerja tambahan/kekurangan yang dianggap perlu dan yang diarahkan oleh Pegawai Penyelia JPS atau wakilnya hendaklah tidak melebihi 30% dari jumlah sebutharga. Pembayaran akan dibuat (tambahan atau kekurangan) mengikut kadar harga seperti yang telah diisi oleh pemborong di senarai butir-butir kerja.

6. Apabila siap, segala sampah sarap serpihan dan lebihan hendaklah dibersihkan mengikut Pegawai Penyelia atau wakilnya.

7. Kerajaan adalah tidak terikat dan bebas untuk memilih atau tidak memilih sama sekali yang difikirkan wajar dan tidak pula terikat untuk memilih sebutharga yang terendah sekali.

8. Pemborong adalah dikehendaki mengambil insuran bagi pekerja (Workmen's Compensation) atau mencarumkan dengan SOCSO bagi semua pekerjanya.

9. Sebutharga ini mestilah sampai ke alamat di atas pada atau sebelum pukul 12.00 tengahari pada haribulan yang ditetapkan sah laku selama 90 hari atau 3 bulan.

10. Sebarang pertanyaan hendaklah dikemukakan ke Pejabat Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran, Kuala Langat.

PENGAKUAN.

Saya/Kami bersetuju dan patuh kepada syarat-syarat yang dikenakan seperti di atas.

Tarikh :

Tandatangan:.....
(Pemborong)

Nama :

No.Kad Pengenalan :

Tarikh :

Tandatangan:.....
(Saksi)

Nama :

No.Kad Pengenalan: